



Headline	Pakistan bantu Maybank		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	24 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	297,950
Page No	57	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	266 cm ²
Journalist	Jumiati Rosly	AdValue	RM 9,006
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,018



'Pakistan' bantu Maybank

Menang tipis ke atas Terengganu saingan pembukaan LHM

Oleh Jumiati Rosly
 jumiati@bharian.com.my
 Kuala Lumpur

Diperkuatkan oleh empat tonggak Pakistan, Maybank tidak menghadapi masalah menewaskan Terengganu 2-1 dalam perlawanan pembukaan mereka dalam saingan Liga Hoki Malaysia (LHM) 2013 di Stadium Hoki Nasional 2, Bukit Jalil, semalam.

Berbanding Terengganu yang sudah memulakan saingan kelmarin, Maybank yang masih segar menyumbatkan gol pertama menerusi jaringan padang pemain importnya, Shakeel Abassi pada minit ke-27.

Terengganu yang membuat penampi-

lan sulung di Liga Premier memberikan tentangan apabila pemainnya, M Sufi Ismat M Rohul Amin menyamakan kedudukan pada minit ke-33 sebelum Muhammad Waqas menghadihkan mata kemenangan buat Maybank menerusi jaringan padang pada minit ke-52.

Setiap halangan sukar

"Saya berpuas hati dengan pemain kerana dalam perlawanan pertama yang penting sekali adalah kemenangan. Ini akan memberikan petanda positif untuk memulakan musim yang baru.

"Perlawanan esok (hari ini) menentang

Sapura memang sukar tetapi bagi saya setiap perlawanan adalah sukar dan kami akan bekerja keras untuk menang," kata jurulatih Maybank, Wallace Tan.

Jurulatih Terengganu, Nik Rozemi Nik Mohamed berkata dia merasakan pemain-

nya masih keletihan selepas seri 4-4 menentang Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam perlawanan pertama kelmarin.

"Jelas sekali mereka masih keletihan namun mereka berjaya memperoleh beberapa peluang. Cuma sekarang mereka belum dapat memanfaatkan peluang yang ada (selepas memperoleh lima cubaan pukulan sudut penalti," katanya.



Pemain Maybank, M Jiwa (17) melakukan asakan dan dihalang pemain Terengganu, Mohd Fitri Saari dalam saingan LHM di Stadium Hoki Nasional 2, Bukit Jalil, petang semalam.

INFO

Keputusan Liga Premier

Maybank 2 Terengganu 1

Hari ini

Nur Insafi mIn UniKL (Std Hoki USM Pulau Pinang, 6 ptg)

Sapura mIn Maybank (Std Hoki Nasional 2 Bukit Jalil, 6 ptg)

Perlawanan Sumbangsih

TNB mIn KLHC (Std Hoki Nasional Bukit Jalil, 8 mIn)